



**TEKS UCAPAN  
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYAARKAT  
DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN KEBAJIKAN  
MASYARAKAT BAGI BULAN MEI, JUN, JULAI DAN OGOS 2015**

**DI PLPP, BANGI**

**11 OGOS 2015 (SELASA)**

---

1 | Page

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.

Y. Berusaha, Tn. Hj. Mohd Fazari bin Mohd Salleh,  
TKP(Strategik), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-  
Pengarah JKMN, Pegawai-Pegawai Kanan, dan seterusnya  
warga JKM yang dihormati sekalian.

---

2 | Page

Pertama sekali, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perhimpunan Bulanan JKM bagi bulan Mei, Jun, Julai & Ogos bagi semua warga JKM.** Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga JKM.

---

3 | Page

Terima kasih kepada Jabatan Pembangunan OKU, Bahagian Pengurusan dan Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan yang menjadi urus setia bagi perhimpunan pada hari ini.

**Perhimpunan pada pagi ini dimulakan dengan sedikit kelainan apabila TKP (Strategik) telah membentangkan tentang Transformasi JKM. Diharapkan semua perkara yang dinyatakan oleh TKP (Strategik) diberi perhatian**

---

4 | Page

**sewajarnya demi meningkatkan mutu perkhidmatan JKM secara keseluruhan.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Saya ingin menarik perhatian semua warga JKM berkaitan peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku dalam bulan Jun, Julai dan Ogos 2015 seperti yang dipaparkan dalam segmen Selayang Pandang sebentar tadi. Sebenarnya JKM melakukan pelbagai aktiviti dan program setiap bulan. Cuma

---

5 | Page

sistem rekod kita perlu ditambah baik agar sentiasa dikemaskini. Ini penting untuk kita gunakannya sekiranya ada pelawat dari luar yang melawat kita. Kita merupakan antara agensi yang sentiasa dikunjungi oleh agensi dalam dan luar Negara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

---

6 | Page

**Bulan Mei merupakan bulan sambutan hari pekerja. Kita telah sama-sama merayakan Hari Pekerja Tahun 2015 dengan tema *Pekerja Sihat Produktiviti Meningkat*".**

Maksud yang ingin disampaikan melalui tema ini ialah pekerja yang sihat dan sentiasa mengutamakan penjagaan kesihatan yang baik secara langsung akan meningkatkan produktiviti serta kualiti kerja yang tinggi seterusnya membawa kepada kemajuan negara. Perkara ini menunjukkan bahawa aspek penjagaan kesihatan pada masa kini amat penting dan perlu diberi perhatian utama

---

7 | Page

dalam menangani gaya hidup masa kini yang banyak berubah.

**Pada bulan Jun dan Julai, kita telah melalui ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan dan seterusnya tiba ke bulan Syawal untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan telah merayakan hari lebaran Aidilfitri bersama sanak saudara tercinta. Yang penting, sifat kasih sayang dan kesederhanaan dalam setiap sambutan**

---

8 | Page

dengan sentiasa memikirkan orang-orang yang masih memerlukan bantuan dan ehsan daripada kita semua.

**Bulan Ogos pula** penting kerana kita akan menyambut Hari Kemerdekaan atau Kebangsaan 2015. **Sehati Sejiwa** dipilih menjadi tema utama Hari Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 2015. Tema “Sehati Sejiwa” mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat Malaysia. Bermula tahun 2015, Hari Malaysia dan Hari Kemerdekaan tidak lagi menggunakan ulang tahun

---

9 | Page

seperti kali ke 28 tapi sebaliknya menggunakan tahun iaitu “2015”. Ianya untuk menyeragamkan antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung kerana penggabungan Malaysia yang sebenarnya pada 16 September, dan 31 Ogos hanya melibatkan Semenanjung sahaja.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

**Selagi lagi saya ingin menekankan tentang prinsip atau budaya keberhasilan yang berteraskan *outcome based*.**

---

10 | Page

Adalah penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang. Kita perlu menilai dari semasa ke semasa untuk memastikan JKM sentiasa *on track* dalam mencapai kesemua KPI yang telah ditetapkan pada tahun ini.

Justeru itu, semua warga JKM sama-sama mempunyai tanggungjawab bagi memastikan KPI yang ditetapkan dapat

---

11 | Page

mencapai matlamatnya mengikut tempoh masa yang disasarkan.

Selain itu, saya juga ingin mengimbah kembali Amanat Tahun Baru 2015 yang disampaikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa peranan kementerian seterusnya Jabatan dalam membela nasib golongan sasar merupakan satu tanggungjawab mulia terutamanya dalam membela serta memperjuangkan nasib rakyat Malaysia yang kurang mampu menyara diri.

---

12 | Page

Pada hari ini, di sebalik proses urbanisasi dan perbandaran kawasan kampung yang berkembang pesat serta pertumbuhan ekonomi yang tinggi, terdapat juga segolongan rakyat kita yang hidup sebagai gelandangan, tergolong sebagai orang miskin, daif dan orang tua yang bergantung pada bantuan Kerajaan untuk menikmati hidup sebagai seorang manusia.

---

13 | Page

Untuk itu, pangkalan data yang ada di KPWKM seperti Pangkalan Data MANIS, E-JKM, SMOKU, Ibu Tunggal, Women Director, perlu dimantapkan lagi agar golongan sasar yang dimaksudkan tidak tercicir untuk menerima bantuan yang sewajarnya daripada kementerian ini. Dengan adanya data ini nanti juga, segala maklumat yang kita mahupun ada hujung jari kita dengan hanya sekali *click*.

---

14 | Page

Seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, saya sekali lagi ingin mencadangkan supaya inovasi sosial digunakan sepenuhnya bagi mencetuskan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem penyampaian JKM seperti **Social Enterprise**. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengamalkan kebajikan produktif sebagai satu pendekatan supaya kumpulan sasar dapat berdikari dengan membekalkan kemahiran untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi.

---

15 | Page

Kejayaan pendekatan ini akan membolehkan JKM melaksanakan exit policy yang akan mengugurkan klien yang berjaya daripada senarai penerima bantuan. Seperti yang disarankan oleh YB Menteri, kebajikan produktif yang telah dihasilkan melalui ProWell dan Bengkel DAYA merupakan kejayaan dalaman melibatkan kerjasama di antara kakitangan JKM dan kumpulan sasar seperti OKU atau warga emas.

---

16 | Page

Kejayaan kebajikan produktif ini wajar direplikasi dan diperluaskan skop kerjasama daripada modus operandi dalaman kepada kerjasama JKM dengan NGO atau social entrepreneurs bagi menubuhkan *social enterprise*.

Sekiranya semua perkara yang disebutkan tadi didokong dan diamalkan oleh setiap warga JKM ditambah lagi dengan amanat dari YB Menteri, maka saya percaya JKM akan menjadi sebuah organisasai yang lebih cemerlang dan berprestasi tinggi. Justeru itu, saya menyeru kepada semua

---

17 | Page

warga JKM agar sama-sama kita menghayati serta menjadikan prinsip serta nilai-nilai murni tersebut sebagai nilai budaya dalam pekerjaan bagi memastikan kita mampu menjadi pekerja yang cemerlang dalam organisasi.

Sayugia juga diingatkan sekali lagi bahawa bagi melahirkan sebuah organisasi yang terbaik ianya banyak bergantung kepada prestasi pekerjanya yang penuh **berhemah dan mengamalkan prinsip-prinsip** menuntut kepada **kepantasan dan keberkesanannya kerja**. Justeru itu, saya

---

18 | Page

juga berharap bahawa semua pihak perlu saling bekerjasama bagi memastikan JKM terus kekal sebagai organisasi berprestasi tinggi walaupun berhadapan dengan perubahan tanpa sempadan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pembangunan OKU, Bahagian Pengurusan dan Bahagian Perundangan dan

---

19 | Page

Penguatkuasaan yang menjadi Urus Setia perhimpunan pada kali ini.

Sekian. Wabilahi-taufik-wahidayah, wasalamualaikum-warahmatulahiwabaraktu.

---

20 | Page